

A B S T R A K

Tajuk: Guru-Guru Fardhu ^CAin Wanita; Peranan Dan Keberkesanan Di Dalam Berda^Cwah. Kajian Di Tumpat, Kelantan. Latihan ^Cilmiah ini dikemukakan kepada Fakulti Usuluddin bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Latihan ^Cilmiah ini mengandungi lima bab. Setiap bab mempunyai tajuk tersendiri. Di dalam bab 1 (Pendahuluan), terdiri dari latar belakang masalah, pengertian tajuk, metodologi, perumusan masalah, tujuan penulisan dan sistematika penulisan. Keseluruhan bab ini memperkatakan secara ringkas tentang latar belakang kajian penulis yang berkaitan dengan tajuk iaitu mengenai guru-guru fardhu ^Cain wanita di Jajahan Tumpat. Penumpuan adalah kepada peranan mereka di dalam menyebarkan da^Cwah berlandaskan pengajaran ^Cilmu-^Cilmu fardhu ^Cain.

Di dalam bab ke 11 perbincangan di bawah tajuk Landasan Teori, penghalalan adalah kepada aspek da^Cwah menurut kontek Islam. Ia menyentuh tentang pengertian da^Cwah, hukum berda^Cwah, juru da^Cwah, mad^Cu, metod da^Cwah dan apa yang perlu dida^Cwahkan serta matlamatnya. Penulis juga menyingkap sejarah wanita di zaman Rasulullah s.a.w. untuk meninjau sumbangan mereka di dalam arena ini.

Bab ke III pula menjurus kepada sudut metodologi. Bagai mana penulis memproses data bagi menyiapkan kertas projek ini dapat ditemui di sini. Penulis telah menggunakan metod pengumpulan data, penentuan subjek, dan penganalisaan data.

Bab ke IV iaitu Laporan Kajian Dan Analisa Data merupakan kemuncak kajian penulis. Ia menyentuh mengenai perumusan masalah yang terdiri dari struktur organisasi guru-guru fardhu^Cain, sistem pembelajaran yang digunakan, permasalahan yang di hadapi oleh guru-guru tersebut dan pelajar mereka. Permasalahan selanjutnya memerlukan penulis menilai keberkesanan pembelajaran di kelas-kelas fardhu^Cain wanita berdasarkan ma^Clumat yang diterima.

Sebagai mengakhiri pembentangan kajian ini, bab V iaitu bab Kesimpulan Dan Penutup telah merangkumkan hasil pembentangan di dalam kesimpulan yang dibuat. Saranan dan pandangan membina juga penulis selitkan bersumberkan buah fikiran responden-responden dan informer-informer serta penulis sendiri.

Wallahu A^Clam.